

Program Takaful Kemalangan Diri



CUEPACSPA

Ditaja Jamin Oleh:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad
201701045981 (1260157-U)



Aras 23A, Mercu 3, No. 3,
Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : 03-2109 6000

Faks : 03-2109 6888

Pusat Khidmat Pelanggan:

Medicare Assistance Sdn Bhd
199901017930 (492630-K)



A-1-8, Pusat Perdagangan Intania,
Jalan Intan 1/KS1, Persiaran Raja Muda Musa,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3371 4248

Faks : 03 3371 4258

Buku ringkasan ini adalah untuk penerangan sahaja dan bukan sebahagian daripada Sijil Induk/Jadual Sijil Takaful.
Untuk keterangan lanjut mengenai perlindungan Takaful ini sila rujuk kepada Sijil Induk/Jadual Sijil Takaful.

ISI KANDUNGAN

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	PROGRAM TAKAFUL KEMALANGAN DIRI	1
2	KELAYAKAN PENYERTAAN	1
3	KEISTIMEWAAN	1
4	JADUAL MANFAAT	2
5	SKOP PERLINDUNGAN	3 - 5
6	PENGECUALIAN	6 - 7
7	PROSEDUR TUNTUTAN	7
8	SENARAI DOKUMEN MENGIKUT JENIS TUNTUTAN	7 - 8

PROGRAM TAKAFUL KEMALANGAN DIRI

Sediakan Payung Sebelum Hujan



Masyarakat zaman kini sentiasa berusaha memperbaiki diri untuk mengekalkan daya saing. Dalam usaha giat untuk mencapai matlamat, seringkali kita kesuntukan masa untuk merancang masa depan dan menyiapkan diri dari musibah yang bakal menimpa. Dengan Program Perlindungan Kemalangan Diri CUEPACSPA, hidup anda terus bagaikan sudah menyediakan payung sebelum hujan.

Program Perlindungan Kemalangan Diri CUEPACSPA telah direalisasikan oleh CUEPACS dan Medicare dengan memberi perlindungan 24 jam dengan bayaran sumbangan yang begitu rendah dan mampu dimiliki oleh semua peringkat Penjawat Awam. Skim perlindungan ini adalah dengan kerjasama Zurich General Takaful Malaysia Berhad.

Program Perlindungan Kemalangan Diri CUEPACSPA merangkumi perlindungan kewangan untuk kematian, kecacatan anggota badan sama ada kecacatan kekal, penuh atau separa sehingga RM440,000.00. Melalui Pelan Perlindungan Kemalangan CUEPACS ini, ianya akan dapat membantu diri sendiri dan keluarga apabila ditimpa kemalangan atau musibah tertentu dari segi meringankan bebanan kewangan.

KELAYAKAN PENYERTAAN

1. Khas Untuk Penjawat Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

- Penyertaan baru adalah dari umur 18 tahun hingga 59 tahun. Pembaharuan akan dilanjutkan sehingga umur 70 tahun.

2. Tanggungan Anggota

- Suami atau isteri peserta yang sah dan berumur di bawah 60 tahun semasa menyertai Sijil Takaful ini. Pembaharuan akan dilanjutkan sehingga umur 70 tahun.
- Perlindungan diberikan untuk anak yang tidak bekerja dan belum berkahwin, yang berumur melebihi 30 hari hingga bawah 19 tahun, atau hingga bawah 23 tahun bagi yang masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi.
- Setiap kelahiran anak yang baru perlu didaftarkan bagi membolehkan perlindungan dibawah sijil takaful ini diberikan.

KEISTIMEWAAN

- Tinggi nilainya dengan perlindungan sehingga RM440,000.
- Perlindungan semasa 24 jam di seluruh dunia.
- Kadar sumbangan yang mampu dimiliki.
- Kemudahan penyertaan yang mudah melalui potongan Biro Angkasa dan pemeriksaan kesihatan tidak diperlukan.
- Khairat kematian. Kematian disebabkan kemalangan atau kematian biasa.
- Upah Haji Untuk Muslim. Kematian disebabkan kemalangan atau kematian biasa.

JADUAL MANFAAT

MANFAAT 1	Kematian Akibat Kemalangan Sebagai Penumpang Di Dalam Pengangkutan Awam Berlesen	Pelan A	Pelan B
	Kematian Akibat Kemalangan akan dilindungi apabila peserta CuepacsPA terlibat sebagai penumpang di dalam Pengangkutan Awam Berlesen.	RM220,000	RM440,000
MANFAAT 2	Kematian Akibat Kemalangan Dengan Pengangkutan Sendiri	Pelan A	Pelan B
	Kematian Akibat Kemalangan Di Jalanraya Dengan Pengangkutan Sendiri.	RM110,000	RM220,000
MANFAAT 3	Kematian Akibat Lain-Lain Kemalangan	Pelan A	Pelan B
	<ul style="list-style-type: none"> * Pembunuhan atau serangan * Mogok, rusuhan, kekacauan awam atau perampasan * Keracunan makanan secara kemalangan * Lemas secara kemalangan * Panahan petir * Pendedahan dan kehilangan 	RM110,000	RM220,000
MANFAAT 4	Kelumpuhan Menyeluruh atau Ketidakwarasan Akibat Kemalangan	Pelan A	Pelan B
	Perlindungan CuepacsPA bagi Kelumpuhan menyeluruh dari leher ke bawah atau ketidakwarasan menyeluruh dan tidak dapat diubati akibat kemalangan.	RM220,000	RM440,000
MANFAAT 5	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	Pelan A	Pelan B
	CuepacsPA melindungi hilang upaya kekal atau kehilangan anggota badan akibat kemalangan yang menghalang sama sekali peserta daripada menjalankan perniagaan atau sebarang pekerjaan dalam tempoh sekurang-kurangnya selama 12 bulan dari tarikh kecederaan anggota badan dan tiada harapan untuk sembuh.	RM110,000	RM220,000
MANFAAT 6	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	Pelan A	Pelan B
	Pembayaran balik bagi semua perbelanjaan perubatan akibat kemalangan ditanggung oleh CuepacsPA semasa dimasukkan ke mana-mana Hospital Kerajaan atau Swasta.	RM3,000	RM5,000
MANFAAT 7	Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan	Pelan A	Pelan B
	Elaun tunai harian di Hospital Kerajaan sebanyak RM100 sehari diberi semasa penghospitalan akibat kemalangan kepada peserta CuepacsPA.	RM2,000	RM3,000
MANFAAT 8	Elaun Perjalanan Mingguan	Pelan A	Pelan B
	Elaun perjalanan mingguan diberi kepada ahli keluarga terdekat untuk melawat peserta semasa di hospital akibat kemalangan.	RM50 seminggu sehingga RM500	RM100 seminggu sehingga RM1,000
MANFAAT 9	Khairat Kematian	Pelan A	Pelan B
	<p>Khairat Kematian - CuepacsPA adalah satu-satunya takaful kemalangan diri yang memanjangkan manfaat ini untuk kematian biasa.</p> <p>Atau</p> <p>Peserta beragama Islam yang telah menunaikan fardhu haji, perlindungan khairat kematian akan diberikan.</p> <p>Bagi peserta bukan beragama Islam, perlindungan perbelanjaan pengkebumian akan diberikan.</p>	<p>Bagi Muslim</p> <ul style="list-style-type: none"> * Upah Haji * Khairat Kematian <p>RM1,500</p> <p>RM1,500</p>	<p>RM3,000</p> <p>RM3,000</p>
		<p>Bagi Muslim</p> <ul style="list-style-type: none"> * Upah Haji <p>RM3,000</p>	<p>RM6,000</p>
		<p>Bukan Muslim</p> <p>RM3,000</p>	<p>RM6,000</p>

SKOP PERLINDUNGAN

1. MANFAAT 1 – Kematian Akibat Kemalangan Dalam Pengangkutan Awam

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** ketika dalam perjalanan dengan **Pengangkutan Awam**, dan dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut mengakibatkan kematian, jumlah yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful** akan dibayar.

2. MANFAAT 2 – Kematian Akibat Kemalangan Dalam Pengangkutan Sendiri

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** ketika dalam perjalanan dengan pengangkutan sendiri, dan dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut mengakibatkan kematian, jumlah yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful** akan dibayar. Pengangkutan sendiri merujuk kepada sebarang kenderaan yang dimiliki oleh **Orang Yang Dilindungi** atau ahli keluarga yang terdekatnya (iaitu adik-beradik, pasangan, kanak-kanak atau ibu bapa).

3. MANFAAT 3 – Kematian akibat kemalangan selain daripada yang dinyatakan di atas

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** akibat **Kemalangan** yang tidak dinyatakan dalam Manfaat A dan Manfaat B, dan dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut mengakibatkan kematian, jumlah yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful** akan dibayar.

Manfaat ini tidak akan dibayar sekiranya Manfaat A atau B telah dibayar.

4. MANFAAT 4 – Lumpuh dari leher ke bawah atau hilang kewarasan

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan**, dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut mengakibatkan lumpuh keseluruhan dari leher ke bawah atau hilang kewarasan yang tidak dapat diubah, jumlah yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful** akan dibayar.

5. MANFAAT 5 – Hilang Upaya Kekal

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan**, dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut menyebabkan hilang upaya seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Manfaat yang diterangkan di sini, peratusan jumlah yang dilindungi seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat akan dibayar.

Manfaat ini tidak akan dibayar sekiranya Manfaat D telah dibayar.

6. MANFAAT 6 - Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** dan perbelanjaan perubatan akibat **Penghospitalan** dilakukan dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut dari tarikh berlakunya **Kemalangan**, perbelanjaan tersebut akan dibayar balik sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful** untuk setiap **Kemalangan**.

Segala perbelanjaan perubatan dan pembedahan hendaklah dibayar oleh **Orang Yang Dilindungi** kepada doktor gigi, **Pakar Perubatan** atau **Hospital** untuk merawat **Kecederaan Badan** tetapi tidak termasuk kos rawatan pergigian kecuali jika rawatan tersebut dijalankan bagi merawat kecederaan yang dialami oleh gigi yang asal, sihat dan tiada masalah pergigian.

7. MANFAAT 7 - Pendapatan Harian Hospital

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** dan terpaksa dirawat di dalam **Hospital Kerajaan Malaysia** sebagai pesakit dalam dan berdaftar, jumlah harian yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful** akan dibayar bagi setiap hari kemasukan **Orang Yang Dilindungi** di **Hospital**, sehingga jumlah maksima yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful**.

SKOP PERLINDUNGAN

8. MANFAAT 8 – Elaun Perjalanan Mingguan

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** dan terpaksa dirawat di dalam **Hospital** sebagai pesakit dalam dan berdaftar, jumlah mingguan yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful** akan dibayar bagi tempoh kemasukan **Orang Yang Dilindungi** di **Hospital**, sehingga jumlah maksima yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful**.

9. MANFAAT 9 – Perbelanjaan Pengebumian (Untuk Bukan Islam)

Sekiranya berlaku kematian pada **Orang Yang Dilindungi**, jumlah yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful** akan dibayar. Manfaat ini hanya untuk **Orang Yang Dilindungi** yang bukan Islam.

10. MANFAAT 9 – Upah Haji dan Khairat Kematian (Untuk Islam)

Sekiranya berlaku kematian pada **Orang Yang Dilindungi**, jumlah yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful** akan dibayar. Manfaat ini hanya untuk **Orang Yang Dilindungi** yang Islam.

JADUAL MANFAAT	Peratus jumlah yang dilindungi	
	Pelan A	Pelan B
Keterangan Hilang Upaya		
Hilang Anggota Badan (dua anggota badan)	100%	100%
Hilang kedua-dua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua belah ibu jari tangan	100%	100%
Sebarang kecederaan yang mengakibatkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	100%	100%
Hilang tangan di paras bahu	100%	100%
Hilang tangan diparas antara bahu dan siku	100%	100%
Hilang tangan diparas siku	100%	100%
Hilang tangan diparas antara siku dan pergelangan tangan	100%	100%
Hilang tangan diparas pergelangan tangan	100%	100%
Hilang kaki	<ul style="list-style-type: none"> • diparas pinggul 100% • diantara lutut dan pinggul 100% • di bawah lutut 100% 	<ul style="list-style-type: none"> 100% 100% 100%
Mata : Hilang	<ul style="list-style-type: none"> • keseluruhan mata 100% • Penglihatan 100% • Penglihatan, kecuali persepsi mata 50% 	<ul style="list-style-type: none"> 100% 100% 50%
Hilang empat jari dan satu ibu jari di sebelah tangan		50%
Hilang empat jari		40%
Hilang ibu jari	<ul style="list-style-type: none"> • kedua-dua ruas 25% • satu ruas 10% 	<ul style="list-style-type: none"> 30% 15%
Hilang jari telunjuk	<ul style="list-style-type: none"> • tiga ruas 10% • kedua-dua ruas 8% • satu ruas 4% 	<ul style="list-style-type: none"> 10% 8% 4%
Hilang jari tengah	<ul style="list-style-type: none"> • tiga ruas 6% • kedua-dua ruas 4% • satu ruas 2% 	<ul style="list-style-type: none"> 10% 5% 2%

SKOP PERLINDUNGAN

Hilang jari manis	• tiga ruas	5%	10%
	• kedua-dua ruas	4%	7.5%
	• satu ruas	2%	5%
Hilang jari kecil	• tiga ruas	4%	10%
	• kedua-dua ruas	3%	7.5%
	• satu ruas	2%	5%
Hilang Metakarpus	• pertama atau kedua (tambahan)	3%	3%
	• ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%	2%
Hilang jari kaki	• kesemua ruas	15%	15%
	• ibu jari, pada kedua-dua ruas	5%	5%
	• ibu jari, satu ruas	2%	3%
	• selain ibu jari, jika lebih satu jari, setiap satu	1%	1%
Hilang Pendengaran	• kedua-dua belah telinga	75%	75%
	• sebelah telinga	15%	25%
Hilang Pertuturan		50%	50%

Sekiranya sebarang **Kecederaan Badan** tidak dinyatakan, **Kami** berhak untuk menggunakan peratusan hilang upaya yang pada pendapat **Kami** tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan dalam Jadual Manfaat atas.

"Kehilangan" anggota badan atau sebahagian daripadanya bermakna kehilangan akibat pemisahan fizikal sebenar atau **Hilang Fungsi** yang menyeluruh dan kekal.

Hilang Fungsi anggota badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan anggota badan.

Agregat semua peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu **Kemalangan** tidak boleh melebihi 100% daripada Manfaat C. Sekiranya sejumlah 100% telah pun dibayar, semua perlindungan **Sijil Takaful** di bawah ini akan tamat berkuatkuasa secara serta-merta. Bayaran untuk semua kehilangan lain yang kurang daripada 100% jika sudah dibuat akan mengurangkan perlindungan di bawah Manfaat A, B atau C sebanyak jumlah tersebut dari tarikh **Kemalangan** sehingga tamat **Sijil Takaful**.

Peruntukan-peruntukan Khas

• Koma

Setelah mendapat pengesahan oleh **Pakar Perubatan** bahawa **Orang Yang Dilindungi** telah berada dalam keadaan koma selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar 100% jumlah yang dilindungi daripada Manfaat C. Walau bagaimanapun, **Kami** mempunyai hak untuk memulihkan bayaran yang dibuat jika **Orang Yang Dilindungi** memperoleh semula kesedaran dengan syarat potongan sebanyak 10% daripada pembayaran yang disebut di atas untuk setiap tahun **Orang Yang Dilindungi** berada dalam keadaan koma.

• Kehilangan

Kematian akan dianggap telah berlaku sekiranya **Orang Yang Dilindungi** telah hilang selama dua belas (12) bulan yang berturut-turut dan **Kami** telah memeriksa segala bukti yang ada untuk menyokong kesimpulan bahawa kematian adalah disebabkan oleh **Kemalangan** yang dilindungi oleh Sijil Induk ini. Jika pada bila-bila masa selepas bayaran dibuat oleh **Kami** bagi tuntutan sedemikian, **Orang Yang Dilindungi** ditemui masih hidup, bayaran balik sepenuhnya hendaklah dibuat kepada **Kami**.

PENGECUALIAN

PENGECUALIAN (TIDAK BERKENAAN DENGAN MANFAAT I DAN MANFAAT J)

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. Penglibatan atau penyertaan Orang Yang Dilindungi dalam: -
 - a) Anggota berpakaian seragam dan bersenjata, perkhidmatan atau operasi angkatan tentera laut atau udara;
 - b) Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais;
 - c) Memanjat batu atau mendaki gunung (dengan keperluan menggunakan tali atau pemandu gunung), meneroka gua, seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti dalam air yang melebihi lima puluh (50) meter dalam, aktiviti udara termasuk payung terjun, peluncuran gantung, terjun bungee atau sebarang jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki;
 - d) Perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang diiktiraf dan dioperasi oleh mana-mana pesawat di laluan dan perjalanan udara yang dijadualkan dan perjalanan udara oleh mana-mana pesawat yang disewa dan dilesenkan dengan sewajarnya sebagai pengangkut udara yang diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan dikendalikan dengan betul;
 - e) Perbuatan jenayah atau sebarang kegiatan haram.
 2. Dipengaruhi oleh alkohol atau dadah, kecuali dadah tersebut diambil atas arahan **Pakar Perubatan** dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.
 3. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cuba membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
 4. Kehamilan, kelahiran anak, keguguran, penyakit atau sebarang masalah kesihatan.
- 5. Keadaan Sedia Ada.**
6. Sengaja mendedah kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
 7. HIV (Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), namun disebabkan dan/atau sebarang derivatif, variasi atau rawatan mutan yang disebabkan lehnya.
 8. Penglibatan secara langsung dalam rusuhan atau kekacauan awam, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada **Peperangan** diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa.
 9. Radiasi pengionan atau pencemaran oleh aktiviti radio dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear sendiri.
- 10. Peperangan** atau **Peperangan** saudara – sama ada diisytiharkan atau tidak.
11. Sebarang perbuatan keganasan.
12. Sekatan - **Kami** tidak akan memberi perlindungan atau membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada mana-mana **Peserta** atau Orang Yang Dilindungi atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan dan manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.
13. Wabak dan/atau pandemik.
14. Sebarang aktiviti yang dilarang oleh prinsip-prinsip Shariah.

PENGECUALIAN

PENGECUALIAN YANG BERKENAAN DENGAN MANFAAT I DAN MANFAAT J

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. Sebarang aktiviti yang dilarang oleh prinsip-prinsip Syariah.
2. HIV (Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), namun disebabkan dan/atau sebarang derivatif, variasi atau rawatan mutan yang disebabkan olehnya.
3. Percubaan membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Mula.

PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang tuntutan di bawah Sijil Induk ini:-

- a) Notis bertulis yang menyatakan butir-butir tuntutan hendaklah diberikan kepada **Kami** dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kejadian yang menyebabkan tuntutan sedemikian.
- b) **Orang Yang Dilindungi** hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan yang wajar dengan secepat mungkin.
- c) Segala sijil, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh **Kami** mestilah disediakan atas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh **Kami**.
- d) **Orang Yang Dilindungi** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut sebagaimana yang diperlukan oleh **Kami** atas perbelanjaan **Kami**.
- e) Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** meninggal dunia, **Kami** berhak untuk meminta pemeriksaan bedah-siasat dijalankan atas perbelanjaan **Kami** dan di mana boleh notis hendaklah diberikan kepada **Kami** sebelum pengebumian atau pembakaran mayat, menyatakan tempat dan masa untuk sebarang perbicaraan penyiasatan yang akan diadakan.

SENARAI DOKUMEN MENGIKUT JENIS TUNTUTAN

KEMATIAN / KHAIRAT KEMATIAN

1. Borang tuntutan dan E-Pembayaran yang lengkap.
2. Salinan kad pengenalan pemegang polisi dan penuntut.
3. Sijil kematian pemegang polisi.
4. Salinan penyata / muka hadapan buku akaun bank.
5. Dokumen bukti hubungan antara pemegang polisi dan penuntut.
6. Jika sudah bersara, sila sertakan salinan kad pesara.

KELUMPUHAN MENYELURUH ATAU KETIDAKUPAYAAN

1. Borang tuntutan dan E-Pembayaran yang lengkap beserta cop dan tandatangan majikan sebagai pengesahan.
2. Salinan kad pengenalan pemegang polisi.
3. Laporan perubatan.
4. Salinan penyata / muka hadapan buku akaun bank.
5. Jika sudah bersara, sila sertakan salinan kad pesara.

SENARAI DOKUMEN MENGIKUT JENIS TUNTUTAN

PERBELANJAAN PERUBATAN

1. Borang tuntutan dan E-Pembayaran yang lengkap beserta cop dan tandatangan majikan sebagai pengesahan.
2. Salinan kad pengenalan pemegang polisi.
3. Laporan perubatan.
4. Bil terperinci dan invoice asal.
5. Resit asal.
6. Salinan penyata / muka hadapan buku akaun bank.
7. Jika sudah bersara, sila sertakan salinan kad pesara.

ELAUN TUNAI HARIAN DI HOSPITAL KERAJAAN

1. Borang tuntutan dan E-Pembayaran yang lengkap beserta cop dan tandatangan majikan sebagai pengesahan.
2. Salinan kad pengenalan pemegang polisi.
3. Nota discaj hospital (termasuk tarikh kemasukkan dan tarikh discaj dengan diagnosis mesti tertulis di atasnya)*.
4. Salinan penyata / muka hadapan buku akaun bank.
5. Jika sudah bersara, sila sertakan salinan kad pesara.
* Jika tiada diagnosis pada nota discaj, sebuah laporan perubatan harus diperolehi.

ELAUN PERJALANAN MINGGUAN

1. Borang tuntutan dan E-Pembayaran yang lengkap beserta cop dan tandatangan majikan sebagai pengesahan.
2. Salinan kad pengenalan pemegang polisi dan penuntut.
3. Resit perjalanan yang berkaitan.
4. Salinan penyata / muka hadapan buku akaun bank.
5. Jika sudah bersara, sila sertakan salinan kad pesara.

* Untuk senarai terkini dan maklumat lanjut sila layari laman sesawang www.cuepacspa.my

Untuk Sebarang Keterangan Lanjut, Sila Hubungi;



Medicare Assistance Sdn Bhd
(Ibu Pejabat Medicare Assistance Sdn Bhd)
Tel : 03 3371 4248 Faks : 03 3371 4258
Emel : c_service@medicare.org.my



...Kerana Kesejahteraan, Warga Penjawat Awam Dihargai